

0296

U B179 AAB  
MAHATHIR--KEMENANGAN 2'R'2'

KUALA LUMPUR: 4 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEMENANGAN DUA PER TIGA YANG DIPEROLEHI OLEH BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA SEMALAM MENUNJUKKAN KEPERCAYAAN RAKYAT TERHADAP SEGALA DASAR YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN SELAMA INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KERANA ITU BELIAU BELUM MEMIKIRKAN UNTUK MENGUBAH MANA-MANA DASAR YANG SEDIA ADA.

KATANYA KEMENANGAN ITU MEMBUKTIKAN BAHAWA SEGALA APA YANG DIPERKATAKAN OLEH KERAJAAN SELAMA INI BENAR IAITU DASAR-DASARNYA ADALAH TEPAT DAN KHBAR-KHBAR ANGIN TERHADAP KEUPAYAAN NEGARA DAN KEWIBAWAAN PARA PEMIMPINNYA ADALAH BOHONG SEMATA-MATA.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA YANG DIJADIKAN SEBAGAI PUSAT AKHBAR, BELIAU BERPUAS HATI KERANA RAMALAN BAHAWA BN AKAN MEMPEROLEHI KEMENANGAN DUA PER TIGA TERBUKTI MENJADI KENYATAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN TERDAPAT SEDIKIT SEBANYAK KEPUTUSAN MENGEJUT, NAMUN DARIPADA SEGI BILANGAN YANG DIPEROLEHI (KETIKA ITU BN TELAH PUN MEMENANGI 121 KERUSI MELEBIHI MAJORITI DUA PER TIGA), ADALAH AMAT MEMUASKAN. -- LAGI  
0750MST 04 08 86

D304

U B182 AAB

MAHATHIR--KEMENANGAN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENYEBUT TERLALU AWAL BAGINYA UNTUK MENENTUKAN MATLAMAT BARU YANG AKAN DIBUATNYA KERANA PERKARA SEPENTING ITU PERLU DIRUNDINGKAN DAHULU DENGAN RAKAN-RAKANNYA DALAM KABINET DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN LAIN DALAM PARTI-PARTI KOMPONEN BN.

YANG PENTING SELEPAS KEMENANGAN PADA PILIHAN RAYA INI IALAH MENENTUKAN SUPAYA SEGALA YANG SEDANG DILAKSANAKAN DAPAT DITERUSKAN TANPA GANGGUAN APA-APA LAGI DARIPADA PIHAK-PIHAK YANG MENCUBA MENGGANGGU-GUGAT KESTABILAN KERAJAAN, KATANYA.

MENGENAI JEMAAT MENTERI KERAJAAN BARUNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN MENCUBA MENGUMUMKANNYA SECEPAT MUNGKIN.

KATANYA ADA KEMUNGKINAN BERLAKU SEDIKIT ROMBAKAN DAN MEREKA YANG DILANTIK KELAK MERUPAKAN YANG PALING SESUAI BAGI JAWATAN MASING-MASING.

MENGENAI PILIHAN RAYA ITU, BELIAU SUKACITA KERANA IA TELAH BERJALAN DALAM AMAN DAMAI DAN SEMPURNA. -- LAGI  
0803MST 04 08 86

D314

U B186 AAB

MAHATHIR-KEMENANGAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA INI KERANA RAKYAT TELAH SEDAR AKAN PENTINGNYA MENGAMALKAN DEMOKRASI DALAM NEGARA MEMBANGUN DAN MAJMUK SEPerti MALAYSIA.

+SAYA BERTERIMA KASIH KEPADA RAKYAT, PEMBANGKANG, POLIS DAN PASUKAN KESELAMATAN LAIN- PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DAN SURUHANJAYA PILIHANRAYA ATAS KEJAYAAN MENGURUSKAN PILIHAN RAYA INI DENGAN SEMPURNA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI SUKACITA KERANA APA YANG DIKHUATIRI OLEH KERAJAAN DAN PIHAK BERKUASA SEBELUM PENGUMUMAN TARIKH PILIHAN RAYA DAN SEMASA KEMPEN SERTA PENGUNDIAN TENTANG KEMUNGKINAN BERLAKU SESUATU YANG TIDAK DIINGINI TIDAK BERLAKU LANGSUNG.

BELIAU PERCAYA INI KERANA TEMPOH BERKEMPEN YANG PENDEK SELAMA 10 HARI TIDAK SEMPAT MELUAHKAN PERASAAN YANG MELEBIHI TAHAP YANG TIDAK DIINGINI.

KATANYA DALAM TEMPOH ITU SEMUA PARTI YANG BERTANDING DAPAT MENYAMPAIKAN MESEJ YANG INGIN DISEBARKAN OLEH MEREKA KEPADA UMUM TANPA MASALAH APA-APA. - BERNAMA  
0818MST 04 08 87